

DATE: 11/11/2008

Wujudkan budaya inovasi: Abdullah

Syor subjek rangsang minda diajar

Oleh Saufi Hamzah
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melancarkan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) semalam mahu usaha bersungguh-sungguh dilaksanakan bagi mewujudkan budaya inovasi di kalangan rakyat.

Beliau berkata, bidang inovasi penting dalam usaha negara mencapai status negara maju, ia perlu diperluaskan menjadi budaya rakyat serta sektor pekerjaan.

"Kita perlu bersungguh-sungguh melahirkan dan mewujudkan budaya inovasi. Ini bukan bermakna di negara kita tak ada langsung usaha atau tak ada langsung kegiatan yang berhubung-kait dengan inovasi.

"Kita mahu inovasi jadi penggerak pemikiran dan penggerak rakyat suka kepa-

da penyelidikan, suka mereka bentuk. Kita mahu inovasi difokuskan kepada menghasilkan produk dalam bidang yang kita mempunyai kelebihan," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Inovasi Negara di Bangunan Parlimen. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili.

“ Kita mahu inovasi difokuskan kepada menghasilkan produk ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sedia ada dapat membantu semua peringkat masyarakat menghasilkan rekaan yang dapat digunakan dan seterusnya dikomersialkan.

"Dalam hal ini, sekolah adalah medan terpenting untuk tanam nilai dan kemampuan inovasi. Biarlah anak sejak kecil diajar berfikir bukan hanya baca, lihat dan ambil periksa lulus.

"Mesti ada program yang ajar mereka berfikir secara kreatif dan bantu mereka sampai ke universiti. Justeru, kemampuan mereka dalam bidang inovasi akan jadi lebih baik dan keupayaan," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah meminta Kementerian Pelajaran mengkaji kemungkinan memperkenalkan subjek tertentu bagi merangsang budaya inovasi pelajar.



ABDULLAH bersalaman dengan Najib selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Inovasi Negara di Bangunan Parlimen, semalam.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat bersetuju menubuhkan Yayasan Inovasi Malaysia yang diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi termasuk mewujudkan tabung untuk membiayai kegiatan bagi menggalakkan rakyat Malaysia terbabit dalam kegiatan inovasi.

Mengenai dakwaan angkasan negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor meminta RM8,000 untuk sejam berceramah, Maximus berkata, perkara itu sedang da-

lam siasatan kementerian.

Perdana Menteri kemudian berkata: "Tapi Dr Sheikh kata tak adalah banyak itu, tak ada banyak itu, tak adalah ada kementerian nak ambil tahu."

Mengenai penahanan 24 orang termasuk tiga pemimpin pembangkang kerana menyertai perhimpunan haram di Pusat Sivik Petaling Jaya, malam kelmarin, Abdullah berkata, polis mempunyai alasan berbuat demikian dan beliau berharap mereka tidak membahayakan

dan dapat dibebaskan cepat.

Sementara itu ketika berucap pada Mesyuarat Majlis Ekonomi ketiga, Perdana Menteri berkata ia menunjukkan perhatian terhadap menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan dan pantas bagi menghadapi cabaran akibat kesan kemerosotan ekonomi.

"Walaupun Malaysia mempunyai asas makro ekonomi yang kukuh dan sistem perbankan serta kewangan berdaya tahan, semua ini tidak kebal," katanya.